

08/10/1997

Sabah yakin pimpinan Perdana Menteri

KOTA KINABALU, Selasa - Kerajaan negeri menaruh keyakinan terhadap kemampuan Kerajaan Pusat yang dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mengatasi krisis mata wang yang dihadapi negara sekarang.

Keyakinan itu berasaskan kejayaan Dr Mahathir mengatasi dan menyelesaikan pelbagai cabaran yang ditempuh sejak memerintah negara ini 16 tahun lalu.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee, berkata masanya sudah tiba bagi seluruh rakyat Malaysia berganding bahu dan berdiri di belakang pemimpin negara dalam usaha kita untuk mengatasi cabaran yang dihadapi.

"Kerajaan negeri sama sekali tidak rela untuk melihat krisis mata wang negara dan kejatuhan mendadak saham akan menggelapkan masa depan seperti tanggapan sesetengah media antarabangsa dan penganalisa kewangan asing yang mahukan rakyat negara ini mempercayainya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Seminar mengenai Kualiti, Keselamatan dan Pengurusan Alam Sekitar Bagi Penggalakan Perindustrian anjuran Institut Kimia Malaysia, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan kerajaan negeri di sini hari ini.

Turut hadir di majlis itu, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Tham Nyip Shen, Presiden IKM, Datuk Mohinder Singh dan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman.

Yong berkata, asas ekonomi yang kukuh menjadikan kita lebih yakin terhadap ekonomi Malaysia yang mapan,

"Malaysia telah melaksanakan secara berhati-hati untuk mengambil semua langkah bagi memulihkan kembali keyakinan terhadap ekonominya terutama ringgit.

"Mata wang Malaysia bukanlah satu-satunya di Asia yang mengalami kesan buruk, Thailand, Indonesia dan Filipina turut terjejas teruk begitu juga Brunei dan Singapura," katanya.

Yong berkata, tidak adil sekiranya tuduhan dibuat terhadap kejatuhan nilai ringgit berpunca daripada kenyataan Dr Mahathir, sesetengah pemimpin yang tidak membuat sebarang kenyataan, nilai mata wang mereka turut menjunam.

Menurutnya, kerajaan negeri turut mengambil langkah positif bagi merangka pelan tindakan strategik bagi menyelaraskan ekonomi Sabah daripada kesan kejatuhan nilai ringgit.

"Kerajaan negeri mengadakan beberapa mesyuarat dengan kumpulan daripada agensi kerajaan dan swasta bagi menyusun strategi bagi membolehkan kita menyerap dan bertindak menghadapi masalah yang melanda sekarang," katanya.

Menurutnya, semua tindakan akan diselaraskan selepas Kerajaan Pusat membentangkan Belanjawan 1998, 17 Oktober ini yang akan menekankan kaedah bagi mengatasi masalah kejatuhan nilai ringgit.

(END)